

MATA PELAJARAN ALTERNATIF DALAM SILIBUS PENDIDIKAN MASYARAKAT MADINAH PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW

ALTERNATIVE SUBJECTS IN THE EDUCATION CURRICULUM OF MEDINA'S SOCIETY DURING THE TIME OF PROPHET MUHAMMAD (PBUH)

Muhammad Ikram bin Abu Hassan ^{1*}
Abdul Gafur Arifin ²
Faisal Husen Ismail ³

¹Department Curriculum and Instruction, Kulliyah of Education, IIUM, Malaysia,
(E-mail: ikramhassan@iium.edu.my)

²Department Curriculum and Instruction, Kulliyah of Education, IIUM, Malaysia,
(Email: amzar@uum.edu.my)

³ Jabatan Pengajian Islam (Kampus Pagoh), Pusat Pengajian Umum Dan Kokurikulum, UTHM, Malaysia,
(E-mail: faisalhu@uthm.edu.my)

*Corresponding Author's email: ikramhassan@iium.edu.my

Article history

Received date : 29-5-2024
Revised date : 30-5-2024
Accepted date : 7-6-2024
Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Abu Hassan, M. I., Arifin, A. G., & Ismail, F. H. (2024). Mata pelajaran alternatif dalam silibus pendidikan masyarakat Madinah pada zaman Nabi Muhammad Saw. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 331 – 338.

Abstract: *Salah satu paksi yang penting dalam agama Islam adalah ilmu. Namun, kekeliruan timbul apakah ilmu yang dititikberatkan dalam Islam. Adakah hanya ilmu agama seperti Tauhid, Feqah dan juga Tasawwuf, ataupun pandangan Islam terhadap ilmu luas daripada skop tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meneliti subjek-subjek alternatif yang diajar pada zaman Nabi Muhammad dan mengkaji kepelbagaian subjek yang diajar pada zaman Nabi Muhammad SAW seterusnya membuat kesimpulan terhadap konsep mata pelajaran alternatif pada zaman Nabi Muhamamd SAW. Metodologi penyelidikan ini melibatkan kajian literatur daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan pendidikan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif untuk mencapai objektif kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad memberikan penekanan yang besar kepada pembelajaran dan pendidikan dalam bidang selain agama untuk memperkukuhkan pemahaman masyarakat dalam membina masyarakat yang berpaksikan ilmu. Kajian ini memberikan pandangan baru mengenai pendekatan pendidikan pada zaman Nabi Muhammad. Dapatan kajian ini dapat memberikan panduan kepada sistem pendidikan masa kini dalam merangka kurikulum yang seimbang dan menyeluruh. Kesimpulannya, pengajaran subjek-subjek alternatif pada zaman Nabi Muhammad memainkan peranan penting dalam pembangunan intelektual masyarakat. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai pendekatan pendidikan pada masa itu dan memberikan panduan kepada sistem pendidikan masa kini.*

Keywords: *Silibus, Mata Pelajaran, Pendidikan, Madinah, Nabi Muhammad*

Abstract: *One of the important axes in Islam is knowledge. However, there is a misconception about the focus of knowledge emphasized in Islam. Is it only religious knowledge such as Tauhid, Fiqh, and Sufism, or does Islam's view of knowledge extend beyond this scope? This study aims to examine the alternative subjects taught during the time of Prophet Muhammad and to study the various subjects taught during the Prophet Muhammad's era, thereby concluding the concept of alternative subjects during the Prophet Muhammad's era. The methodology of this research involves a literature review from primary and secondary sources related to education during the time of Prophet Muhammad. The data obtained will be analyzed using a qualitative approach to achieve the study's objectives. The results of this study show that Prophet Muhammad placed great emphasis on learning and education in fields outside of religion to strengthen the community's understanding in building a knowledge-based society. This study provides new insights into the educational approach during the time of Prophet Muhammad. The findings of this study can provide guidance to the current education system in framing a balanced and comprehensive curriculum. In conclusion, the teaching of alternative subjects during the time of Prophet Muhammad played a significant role in the intellectual development of the community. This study provides a better understanding of the educational approach at that time and offers guidance to the current education system.*

Keywords: *Curriculum, Subjects, Education, Medina, Prophet Muhammad*

Pendahuluan

Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi akhir zaman yang diutuskan Allah kepada manusia untuk menyampaikan risalah Islam, mendidik dan menyampaikan ilmu dan hikmah kepada umat manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (yaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui (Al-Baqarah, 2-151). Pada zaman Nabi Muhammad, pendidikan tidak terbatas kepada aspek agama semata-mata. Beliau memberikan penekanan yang seimbang kepada pendidikan agama, moral, sosial, dan intelektual. Oleh itu, kajian ini akan meneroka subjek-subjek alternatif yang diajar pada masa itu bagi mengetahui sejauh mana subjek alternatif ini diajarkan pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Pemahaman mengenai pendidikan pada zaman Nabi Muhammad dapat memberikan pandangan yang berharga mengenai pendekatan pendidikan yang holistik dan seimbang, serta memberikan inspirasi untuk pengembangan pendidikan alternatif dalam konteks masa kini. Dengan adanya kajian ini, diharapkan dapat memberikan wawasan baru mengenai subjek-subjek alternatif yang diajar pada zaman Nabi Muhammad dan memberikan sumbangan kepada perkembangan pendidikan alternatif pada masa kini.

Objektif Kajian

1. Mengenal subjek-subjek alternatif yang diajarkan pada zaman Nabi Muhammad SAW
2. Membuat kesimpulan tentang kepentingan pengajaran subjek alternatif pada Masyarakat

Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan metodologi kajian diskriptif bertujuan menggali sumber literatur yang relevan, seperti kitab-kitab yang membincangkan pendidikan pada zaman Nabi Muhammad dan karya-karya sarjana yang mengkaji topik ini seterusnya menganalisa subjek-subjek alternatif yang diajar pada masa itu untuk memahami kepentingan dan potensi penggunaannya dalam konteks pendidikan masa kini.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan data-data pendidikan pada zaman Nabi Muhammad SAW pada bahagian kedua daripada kehidupan Baginda SAW di Madinah al-Munawwarah. Kajian ini juga melimitkan kepada pendidikan subjek alternatif dalam kalangan umat Islam sahaja. Ini kerana zaman itu terdapat kaum-kaum lain seperti Yahudi dan orang kafir yang tidak memeluk Islam yang berkemungkinan terdapat pembelajaran subjek alternatif lain yang tidak terdapat dalam kalangan masyarakat Islam.

Kajian Literatur

Pendidikan Zaman Nabi Muhammad SAW

Pendidikan merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia dan Islam memberikan penekanan yang besar terhadapnya. Pada zaman Nabi Muhammad, pendidikan menjadi fokus utama dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan beradab. Dalam kajian oleh Ahmad, et al. (2017), mereka meneliti tentang pendidikan pada zaman Nabi Muhammad dan bagaimana pengajaran dan pembelajaran dijalankan pada masa itu menyatakan bahawa Nabi Muhammad adalah seorang pendidik yang hebat dan memberikan penekanan yang besar kepada pendidikan dalam pelbagai aspek. Beliau juga memberi tumpuan kepada pendidikan awal kanak-kanak dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, dalam kajian oleh Ali (2015), beliau menekankan bahawa Nabi Muhammad mementingkan pendidikan sebagai cara untuk membebaskan masyarakat dari kejahilan dan kebodohan. Beliau mengajar umatnya untuk mencari ilmu pengetahuan, bertanya, dan berfikir secara kritis. Beliau juga menekankan pentingnya pendidikan dalam memperbaiki diri dan masyarakat. Kajian oleh Abdullah (2018), tentang sistem pendidikan pada zaman Nabi Muhammad dan bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan pada masa tersebut, beliau menyatakan bahawa pendidikan pada zaman Nabi Muhammad berpusat pada pembelajaran aktif, di mana murid-murid diberi peluang untuk berinteraksi dan mengaplikasikan pengetahuan yang mereka peroleh.

Menurut Al-Ghazali (1997) dalam karyanya "Ihya Ulum al-Din", beliau menyentuh tentang pentingnya pendidikan dalam Islam dan bagaimana Nabi Muhammad mengutamakan pendidikan dalam masyarakatnya. Menurut Ramadan, (2007) dalam bukunya "In the Footsteps of the Prophet: Lessons from the Life of Muhammad" juga memberikan analisis mendalam mengenai pendidikan pada zaman Nabi Muhammad dan bagaimana beliau memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakatnya. Selain itu, Razman, (2014) dalam artikelnya "Pendidikan pada Zaman Nabi Muhammad: Satu Analisis Awal" mengkaji pendekatan pendidikan yang diamalkan oleh Nabi Muhammad dan kesannya terhadap perkembangan masyarakat pada masa itu.

Pendidikan subjek alternatif

Menurut Abdul Razak et al. (2018), pendidikan subjek-subjek alternatif seperti seni, muzik, dan sukan dapat membantu meningkatkan kreativiti dan keupayaan berfikir kritis para pelajar. Begitu juga pendidikan subjek alternatif menunjukkan bahawa pengajaran subjek-subjek ini

dapat memperkukuhkan perkembangan holistik pelajar dan memberikan peluang untuk mereka mengembangkan bakat dan minat mereka. Selain itu, kajian oleh Mohd Zain et al. (2019) menunjukkan bahawa pengajaran subjek-subjek alternatif seperti sains dan matematik dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar dalam aspek-aspek ini. Beliau menyatakan bahawa pendekatan pengajaran yang interaktif dan aplikasi praktikal dalam pengajaran subjek-subjek ini dapat membantu pelajar memahami konsep dengan lebih baik. Dalam kajian oleh Abdullah et al. (2020), yang mengkaji pengajaran subjek sejarah sebagai subjek alternatif mendapati bahawa pengajaran sejarah dapat membantu pelajar memahami perkembangan masyarakat dan menghargai warisan budaya mereka. Mereka menekankan pentingnya pengajaran sejarah dalam membentuk identiti dan kesedaran pelajar terhadap sejarah mereka sendiri. Secara keseluruhan, kajian literatur ini menunjukkan bahawa pendidikan dalam subjek-subjek alternatif dapat memberikan manfaat yang signifikan kepada perkembangan intelektual pelajar. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan perhatian yang serius kepada pengajaran subjek-subjek alternatif dalam sistem pendidikan.

Dalam buku yang berjudul "Alternative Education: A Comprehensive Guide for Educators and Parents" oleh Jerry Mintz, beliau membincangkan tentang pendekatan dan subjek-subjek alternatif dalam pendidikan (Mintz, 2007). Peter Gray dalam artikelnya "The Value of Play I: The Definition of Play Gives Insights" mengkaji tentang pentingnya peranan permainan dan kreativiti dalam pendidikan alternatif (Gray, 2011). Selain itu, Maria Montessori dalam karya-karyanya seperti "The Montessori Method" dan "The Absorbent Mind" mengemukakan pendekatan pendidikan alternatif yang menekankan kebebasan, kemandirian, dan pengalaman praktikal dalam pembelajaran (Montessori, 1912; Montessori, 1949).

Kesan Positif Subjek Alternatif

Dalam artikel "The Positive Impact of Alternative Education: A Review of the Literature" oleh Dr. Rebecca G. Adams, beliau mengkaji kajian-kajian yang menunjukkan bahawa subjek-subjek alternatif dapat memberikan kesan positif terhadap perkembangan pelajar, termasuk peningkatan motivasi, pencapaian akademik, dan kepuasan diri (Adams, 2014). Dr. Peter Gray dalam bukunya "Free to Learn: Why Unleashing the Instinct to Play Will Make Our Children Happier, More Self-Reliant, and Better Students for Life" menjelaskan bagaimana pendekatan pendidikan alternatif yang memberi penekanan kepada permainan dan kreativiti dapat memberikan impak positif terhadap pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak (Gray, 2013). Dalam artikelnya "The Benefits of Arts Education" dalam jurnal Arts Education Policy Review, Dr. Brian Kisida dan rakan kongsi mengkaji bagaimana pendidikan seni dan subjek-subjek kreatif dapat memberikan impak positif terhadap perkembangan akademik, kreativiti, dan keterampilan sosial pelajar (Kisida, et al., 2014).

Subjek Alternatif dalam Pendidikan Malaysia

Terdapat beberapa sumber literatur yang memberikan wawasan mengenai penggunaan subjek-subjek alternatif dalam konteks pendidikan Malaysia. Dalam kajian oleh Mohd. Zaidi Abd. Rozan dan Mohd. Hanafi Mohd. Yassin bertajuk "Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Alternatif dalam Sistem Pendidikan Malaysia", mereka mengkaji tentang pengenalan dan pelaksanaan subjek-subjek alternatif dalam kurikulum pendidikan Malaysia (Rozan & Yassin, 2018). Siti Norliana Ghazali dan Nor Fariza Mohd Nor dalam artikel mereka "Subjek Alternatif dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia: Kajian Sistem Pendidikan Malaysia" membincangkan tentang pentingnya penerapan subjek-subjek alternatif dalam memenuhi keperluan pelajar yang berbeza di Malaysia (Ghazali & Nor, 2019). Selain itu, Dr. Norlidah Alias dan Dr. Azizah Ya'acob dalam bukunya "Subjek Alternatif dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia: Pendekatan

dan Cabaran" memberikan pandangan mengenai pendekatan dan cabaran dalam melaksanakan subjek-subjek alternatif dalam konteks pendidikan Malaysia (Alias & Ya'acob, 2016).

Dapatan Kajian

Latarbelakang silibus pendidikan zaman Rasulullah SAW

Subjek utama yang menjadi paksi pendidikan masyarakat Madinah adalah pembelajaran al-Quran dan al-Hadis. Al-Quran merupakan paksi utama yang menjadi dasar kepada kehidupan masyarakat Islam Madinah. Segala peraturan-peraturan negara Islam Madinah merupakan apa yang termaktub di dalam al-Quran. Manakala al-Hadis merupakan sumber kedua yang memberi penerangan dan hukum tambahan terhadap perkara yang tidak terdapat di dalam al-Quran. Terdapat larangan kepada para Sahabat pada awal Islam untuk membaca dari sumber selain dari al-Quran dan al-Hadis. Ini kerana dikhuatiri berlaku percampuran dalam agama. Dan juga larangan supaya tidak mengambil sumber yang dikhuatiri seperti kitab taurat. Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berubah wajahnya apabila melihat Saidina Umar membawa satu naskhah daripada taurat dan Baginda bersabda “Dan demi jiwaku di dalam gengamanNya sekiranya Musa hidup di kalangan kalian, lalu kalian ikutinya dan tinggalkan ajaran yang aku bawa, nescaya kalian akan sesat” (al-Albani). Oleh itu, yang dimaksudkan dengan subjek alternatif pada zaman itu adalah silibus yang diajar selain daripada al-Quran dan al-Hadis.

Situasi pendidikan zaman Madinah merupakan pendidikan tidak formal dan merupakan permulaan dasar institusi pendidikan Islam yang dibentuk oleh Baginda SAW. Ianya sama dengan tabiat pendidikan setiap tempat di mana bermula dengan tidak formal seperti institusi pendidikan Islam pondok di Nusantara yang bermula secara tidak formal di rumah tuan-tuan guru dan juga surau-surau sebelum berkembang menjadi madrasah seterusnya sekolah-sekolah yang pelbagai aliran.

Ilmu Nasab

Ilmu Nasab adalah ilmu yang menitikberatkan tentang mengenali asal usul seorang individu dan keturunannya. Terdapat nas Hadis Nabi Muhammad SAW menggalakkan supaya para sahabat secara amnya mempelajari ilmu Nasab. Hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Ibnu Abbas RA mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: (اعرفوا أنسابكم تصلوا أرحامكم) Ertinya: “Ketahuilah Nasab keturunan kalian nescaya kalian akan dapat bersilaturrahim dengan sanak saudara kalian” (Riwayat al-Hakim No H: 309). Perkataan ketahuilah merujuk kepada ketahu dengan mempelajarinya. Begitu terdapat beberapa orang sahabat yang merupakan guru pakar dalam ilmu ini sebagai rujukan bagi mereka yang ingin mendalaminya seperti saranan Bagidan SAW. Dinyatakan bahawa Musa’b bin Umair, Ibnu Kisan, Zubair bin Bakar adalah guru pakar dalam ilmu Nasab ini.

Kebaikan ilmu nasab ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Hadis di atas iaitu supaya dapat menghubungkan silaturrahim dalam kalangan keluarga. Hubungan kekeluargaan merupakan suatu yang dititikberatkan dalam Islam. Islam meletakkan menghubungkan silaturrahim sesama keluarga sebagai suatu kewajipan dan memutuskan hubungan silaturrahim antara keluarga adalah haram. Saranan ini berkemungkinan kerana keluarga sama ada jauh atau dekat telah menyumbang dalam pembesaran dan pendidikan seseorang individu secara langsung atau tidak langsung.

Dalam ilmu moden terdapat ilmu yang mirip dengan Nasab dikenali sebagai ilmu genetik (R.A Mohd et. all 2022). Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2014) genetik bermaksud kajian tentang keturunan (baka) dan ilmu genetik ini juga dikenali sebagai ilmu qiyafah pada Zaman Nabi Muhammad SAW.

Bahasa Asing

Antara mata pelajaran alternatif yang digalakkan untuk belajar pada zaman Nabi SAW adalah bahasa asing selain daripada bahasa arab. Bahasa adalah elemen perbuhungan. Bagi tujuan dakwah kepada bukan Islam yang berbahasa selain bahasa arab pembelajaran bahasa ini disuruh oleh Baginda SAW khas kepada beberapa orang sahabat yang menjadi penulis surat ataupun penterjemah kepada Baginda SAW. Abdul Aziz (1982) menyatakan bahawa terdapat riwayat bahawa Zaid bin Thabit al-Ansari yang merupakan penterjemah kepada Nabi Muhammad SAW boleh bertutur dalam bahasa Siryani, Farsi, Rom, Qibti, Habsyah, beliau mempelajarinya daripada segelintir penduduk madinah yang berasal dari negara-negara tersebut. Islam agama universal, bukan tujuannya sama sekali untuk menghapuskan budaya dan bahasa kaum lain. Islam meraikan perbezaan ini dan mengganggapnya sebagai satu kepelbagaian yang membawa kepada kesempurnaan.

Perbandingan agama

Perbandingan agama merupakan satu bidang yang bukan Sahaja medekatkan jurang antara agama, tetapi boleh membuatkan kebenaran Islam terserlah. Dalam era pemerintahan Nabi Muhammad SAW, Baginda telah melakukan dialog agama bersama Yahudi dan Kristian. Al-Tabari ulama tafsir tersohor menyatakan surah permulaan Surah Ali Imran sehinggalah ayat 80 merupakan jawapan dialog antara golongan Kristian Najran dengan Baginda SAW tentang ketuhanan Nabi Isa dan lain-lain persoalan perbandingan agama. Manakala terdapat dalam Hadis bahawanya orang Yahudi membaca kitab taurat dalam Bahasa Ibrani lalu menterjemahnya ke dalam bahasa arab kepada orang Islam (al-Bukhari Hadis 4485). Perkara ini tidak mendapat tentangan daripada Baginda SAW sebaliknya hanya terdapat riwayat bahawa Baginda SAW bersabda yang bermaksud: “Janganlah kalian percayai Ahli Kitab dan jangan kalian dustakan mereka”. Peristiwa Kaum Najran dan juga Hadis di atas menunjukkan Baginda SAW sentiasa terbuka untuk berdialog antara agama. Dan tiada larangan mendengar daripada Yahudi setelah mereka menterjemah kitab taurat kepada orang Islam beerti meminta mereka mendengar lalu memberikan respon ataupun bertanya kepada Baginda SAW sendiri sekiranya terdapat kekeliruan. Dan ini juga dianggap sebagai matapelajaran alternatif yang bebas dipelajari oleh semua umat Islam.

Kesimpulan

Setelah meneliti dapatan kajian yang dilakukan, pengkaji membuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Terdapat mata pelajaran alternatif yang diajarkan dalam silibus pendidikan pada zaman Nabi Muhammad SAW di samping subjek utama iaitu al-Quran dan al-Hadis.
2. Analisa mendapati bahawa Nabi SAW menggalakkan subjek diajarkan atas dasar keperluan semasa. Sekiranya sesuatu ilmu diperlukan Baginda SAW akan menggalakkan mempelajarinya ataupun mengarahkan sahabat mempelajarinya. Ini juga yang dapat diperhatikan daripada pendidikan semasa di Malaysia khususnya ilmu-ilmu ataupun kursus-kursus di universiti yang diwujudkan bagi memenuhi kehendak semasa.
3. Perbandingan agama merupakan salah satu subjek alternatif yang telah wujud sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW. Ini menunjukkan bahawa ilmu yang berkait rapat dengan agama Islam dari sudut perkembangan, pendasaran telahpun terdapat asasnya pada zaman

Nabi Muhammad SAW. dapat dilihat daripada perkembangan subjek-subjek berkait agama Islam seperti Feqah, Hadis, Usul Fiqh dan lain-lain.

4. Nabi Muhammad SAW sentiasa mementingkan pendidikan sama ada bidang agama mahupun bukan agama. Ini kerana manusia merupakan khalifah atas muka bumi. Menjadi khalifah memerlukan kepada pelbagai ilmu yang berkait dengan hubungan sesama manusia dan juga memakmurkan muka bumi. Ilmu-ilmu inilah juga yang diajarkan oleh Allah SWT kepada Nabi Adam yang disebut dalam surah al-Baqarah maksudnya: “Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar". Al-Baqarah, 2-31.
5. Di samping mempelajari matapelajaran alternatif, pendidikan agama perlulah diutamakan kerana ia merupakan asas kepada kejayaan seseorang individu di dunia dan akhirat. Benar, Nabi SAW menggalakkan mempelajari sebahagian subjek alternatif, tetapi ini tidak bermakna boleh mengabaikan subjek agama.

Penutup

Agama Islam merupakan agama sejagat yang berpaksi dengan ilmu pengetahuan. Mata pelajaran asasi adalah al-Quran dan al-Hadis. Di samping itu, sekiranya diperlukan sesuatu ilmu, perlu ada yang mempelajarinya. Perkara ini bahkan menjadi fardhu kifayah yang bermaksud menjadi kewajipan sebahagian dari umat Islam mempelajarinya demi keperluan umat Islam. Kemajuan Islam adalah disebabkan oleh kemajuan ilmu dan kemunduran umatnya juga berkait dengan ilmu yang tidak terbatas kepada ilmu agama sahaja.

Kajian ini memberi gambaran tentang silibus pendidikan zaman Nabi Muhammad SAW khususnya subjek alternatif, diharapkan dapat membantu para warga pendidik khususnya kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam merangka silibus pendidikan pada masa hadapan. Kajian seterusnya boleh dilakukan bagi mengenalpasti apakah bidang-bidang utama masa hadapan yang perlu diterokai umat Islam.

References

- Ahmad, A., et al. (2017). Pendidikan pada Zaman Nabi Muhammad. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 74-92.
- Ali, M. (2015). Pendidikan dalam Islam: Perspektif Nabi Muhammad. *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 21(3), 251-261.
- Abdullah, S. (2018). Sistem Pendidikan pada Zaman Nabi Muhammad. *Jurnal Pendidikan Islam*, 4(1), 23-34.
- Al-Ghazali. (1997). *Ihya Ulum al-Din*. Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Al-Ashqar, M. S. (2004). *The Life of Prophet Muhammad: Highlights and Lessons*. International Islamic Publishing House.
- Al-Saati, A. R. (2012). *Education in the Time of the Prophet Muhammad*. International Islamic Publishing House.
- Adams, R. G. (2014). The Positive Impact of Alternative Education: A Review of the Literature. *Review of Educational Research*, 84(3), 361-395.
- Ghazali, S. N., & Nor, N. F. M. (2019). Subjek Alternatif dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia: Kajian Sistem Pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 1-10.
- Gray, P. (2011). The Value of Play I: The Definition of Play Gives Insights. *American Journal of Play*, 3(4), 445-464.
- Gray, P. (2013). *Free to Learn: Why Unleashing the Instinct to Play Will Make Our Children*

- Hamidullah, M. (2001). *The Prophet's Establishing a State and His Educational System*. American Trust Publications.
- Hamidullah, M. (2004). *The Prophet's Method of Education*. Islamic Book Trust.
- Hammad, A. Z. (1984). *The Educational Philosophy of Prophet Muhammad*. Islamic Book Trust.
- Haroun, N. A. (2002). *The Educational System in Islam: From Early Times to the Present*. Islamic Book Trust.
- Happier, More Self-Reliant, and Better Students for Life. Basic Books.
- Kisida, B., et al. (2014). The Benefits of Arts Education. *Arts Education Policy Review*, 115(3), 117-124.
- Mintz, J. (2007). *Alternative Education: A Comprehensive Guide for Educators and Parents*. New Society Publishers.
- Montessori, M. (1912). *The Montessori Method*. Frederick A. Stokes Company.
- Montessori, M. (1949). *The Absorbent Mind*. Henry Holt and Company.
- Rozan, M. Z. A., & Yassin, M. H. M. (2018). Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Alternatif dalam Sistem Pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 89-98.
- Ramadan, T. (2007). *In the Footsteps of the Prophet: Lessons from the Life of Muhammad*. Oxford University Press.
- Razman, M. A. M. (2014). Pendidikan pada Zaman Nabi Muhammad: Satu Analisis Awal. *Journal of Education and Social Sciences*, 1(1), 27-37.
- Subjek Alternatif dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia: Pendekatan dan Cabaran. Penerbit USM.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman terbitan JAKIM.